

**SIARAN MEDIA  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MAJLIS ANUGERAH HADIAH SASTERA SELANGOR 2021  
RAI KARYAWAN**

**SHAH ALAM, 10 SEPTEMBER 2022** – Kerajaan Negeri Selangor menganjurkan anugerah Hadiah Sastera Selangor sejak 2015 bagi memartabat sastera Melayu seterusnya mengembangkan bakat penulis di seluruh negara.

Penyertaan terbuka kepada seluruh warganegara meliputi tiga kategori iaitu esei, puisi, dan cerpen yang tersiar dalam Selangorkini. Selangorkini adalah akhbar mingguan terbitan Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) iaitu media rasmi Kerajaan Negeri Selangor.

Bagi edisi Hadiah Sastera Selangor 2021, karya terpilih daripada Dewan Sastera dan Tunas Cipta terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), majalah kebudayaan Svava dan laman media sosial Tukang Puisi turut dinilai. Sebanyak 190 karya diteliti panel juri diketuai Dr. Faisal Tehrani.

Seramai 15 penulis membawa pulang wang tunai keseluruhan berjumlah RM27,000. Pemenang utama setiap kategori menerima RM5,000 manakala empat hadiah penghargaan RM1,000 setiap satu kategori.

Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari dan Tan Sri Johan Jaaffar menyampaikan hadiah tersebut kepada para pemenang dalam majlis anugerah Hadiah Sastera Selangor 2021 di The Saujana Hotel Kuala Lumpur.

Pada majlis tersebut, buku himpunan karya pemenang Hadiah Sastera Selangor 2020 dan 2021 iaitu *Sipena V* turut dilancarkan. Selain itu, tiga buku terjemahan terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) iaitu *Gelagat dan Ragam Orang Melayu* karya Frank Swettenham, *Sejarah Selangor 1766-1933* (JM Gullick) dan *Tunku: Kelana Penuh Cinta* (Kobkua Suwannathat-Pian).

Program Hadiah Sastera Selangor diadakan sejak 2015 hasil cetusan ilham YAB Dato' Seri Amirudin Shari ketika beliau masih memegang jawatan sebagai Exco Pembangunan Belia, Sukan, Kebudayaan dan Keusahawanan.

Majlis anugerah Hadiah Sastera Selangor 2021 juga disiarkan secara langsung di YouTube SelangorTV (<https://www.youtube.com/watch?v=tMUtllfQCA>) dan Facebook Media Selangor (<https://www.facebook.com/MediaSelangor>) untuk tontonan umum.

## Mengenai Media Selangor

Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) ditubuhkan pada 18 Februari 2009 melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan merupakan salah satu anak syarikat di bawah Menteri Besar Selangor Pembedaan (MBI).

MSSB berperanan sebagai media rasmi kerajaan negeri Selangor bagi mewujudkan sistem komunikasi berkesan antara kerajaan negeri dan rakyat dalam menyebar luas mesej-mesej dan dasar-dasar pentadbiran kerajaan negeri.

Dengan slogan “Terbaik Selangor Semuanya Di Sini”, MSSB menyampaikan maklumat terkini dan inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan negeri kepada seluruh rakyat Selangor melalui beberapa platform seperti surat khabar, portal, TV digital, aplikasi mudah alih dan papan iklan digital.

Media Selangor menguruskan akhbar dan portal berita dalam empat Bahasa iaitu – SelangorKini, Selangor Journal, SelangorKini Mandarin, dan Selangor Indru termasuk TV digital – Selangor TV.

Media Selangor juga menawarkan perkhidmatan pengiklanan media menyeluruh seperti promosi jenama dan produk, fotografi dan videografi korporat, penerbitan audio dan video, penciptaan kandungan, editorial korporat, dan penulisan iklan.

Berita dan program terbitan MSSB boleh dilayari di pautan berikut:

 <b>SELANGORKINI</b> (Edisi Bahasa Melayu, Mandarin, dan Tamil)	<a href="https://selangorkini.my/">https://selangorkini.my/</a> <a href="https://selangorkini.my/zh-hans/">https://selangorkini.my/zh-hans/</a> <a href="https://selangorkini.my/ta/">https://selangorkini.my/ta/</a>
 <b>SELANGOR JOURNAL</b>	<a href="https://selangorjournal.my/">https://selangorjournal.my/</a>
 <b>SELANGORTV</b>	<a href="https://selangortv.my/">https://selangortv.my/</a>
<b>MEDIA SOSIAL MSSB</b>	<b>Facebook:</b> <a href="https://www.facebook.com/MediaSelangor">https://www.facebook.com/MediaSelangor</a> <b>Instagram:</b> @mediaselangor <b>Twitter:</b> @Media_Selangor <b>TikTok:</b> @selangortv

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Roharrashidah Abdul Halil  
Komunikasi Korporat  
Media Selangor Sdn Bhd  
017 – 896 1588  
Emel: [roharrashidah@mediaselangor.com](mailto:roharrashidah@mediaselangor.com)